

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
(TEBRAU)**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan masuk dan keluar Malaysia telah diterima dan berapa telah dilulus dan ditolak sejak MyTravelPass diperkenalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuat kuasa oleh Kerajaan bermula 18 Mac 2020 sehingga kini bagi membendung penularan pandemik COVID-19, dan ianya termasuklah pengukuhan kawalan pintu masuk dan sempadan negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan memperkenalkan kawalan kemasukan warganegara asing ke Malaysia melalui penetapan syarat-syarat permohonan yang ketat bagi kategori warganegara asing yang dibenarkan serta pertimbangan kemasukan secara *case-to-case basis*.

Bermula 7 Oktober 2020, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memperkenalkan MyTravelPass (MTP) iaitu suatu sistem permohonan kebenaran masuk dan ke luar negara untuk warganegara Malaysia dan warganegara asing sebagai salah satu inisiatif penambahbaikan proses permohonan tersebut. Sistem MTP berjaya memendekkan tempoh masa kelulusan permohonan kepada tiga hingga lima hari bekerja berbanding jangka masa antara tujuh hingga sepuluh hari melalui permohonan menggunakan e-mel.

Jumlah permohonan keseluruhan yang diterima oleh JIM melalui MTP bagi tempoh mulai 18 Mac 2020 hingga 19 November 2020 adalah sebanyak 30,061 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 15,787 permohonan telah diluluskan manakala 11,207 permohonan telah ditolak. Baki sebanyak 3,067 permohonan sedang dalam tindakan pemprosesan oleh JIM.